


Tatakelakuan

Senarai Kandungan

Mesej daripada CEO	4	Mengambil berat tentang Orang lain	22
Memahami dan Menerapkan Tatakelakuan kita	6	Antigangguan dan Ugutan	23
Komitmen kita terhadap pematuhan dan integriti	7	Kepelbagaian dan Peluang Sama Rata	24
Cara Tatakelakuan	8	Hak Asasi Manusia dan Buruh	25
Kelestarian dan Tatakelakuan	9	Kesihatan, keselamatan dan sekuriti	26
Tanggungjawab Kita	10	Dadah dan Alkohol	28
Pengisytiharan Pematuhan	12	Melanggan Khidmat Seks	29
Sistem Pematuhan kita	14	Bertindak secara Berintegriti	30
Program Integriti Perniagaan dan Pematuhan kita	15	Antirasuah	31
Pelaporan dan kebebasan	16	Bekerja dengan Rakan Niaga	32
Bersuara, menyuarakan kebimbangan dan melaporkan pelanggaran yang disyaki	18	Pencegahan Pengubahan Wang Haram	33
Budaya Bersuara	19	Kerahsiaan	34
Pemberian Maklumat - Makluman Pelanggaran	19	Konflik Kepentingan	37
Toleransi sifar terhadap tindakan balas	20	Persaingan Adil	38
		Hadiah dan Hospitaliti	39
		Maklumat Orang Dalam	40
		Sekatan Perdagangan Antarabangsa dan Wilayah yang Dipertikai	42
		Kawalan Eksport	43
		Pegawai Awam	44
		Melindungi Harta, Maklumat dan Aset	47
		Bekerja dengan Pihak Berkepentingan kita	48
		Komuniti Tempatan	49
		Perlindungan Data	50
		Melindungi Alam Sekitar	53
		Tajaan dan Derma	54
		Ketelusan dan Pelaporan Kewangan	55



Mesej daripada CEO

Rakan sekerja sekalian,

Kita menyelesaikan cabaran-cabaran tenaga global untuk generasi akan datang. Di Aker Solutions, kita mempunyai sejarah industri yang panjang dan membanggakan. Kita menghormati warisan tersebut dan mendapatkan lesen untuk beroperasi pada masa depan dengan bertindak secara bertanggungjawab dan berintegriti di mana sahaja kita beroperasi. Kita mewujudkan nilai sambil melindungi alam sekitar dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Dengan mematuhi standard tertinggi dan menghormati komitmen, kita akan memperoleh dan mengekalkan kepercayaan antara satu sama lain, para pelanggan, rakan niaga dan pihak berkepentingan kita yang lain.

Kita mahu para pekerja berbangga dengan syarikat dan cara kita mengendalikan perniagaan. Kita mempunyai jejak global dan berdepan dengan pelbagai konteks tempatan, budaya perniagaan, undang-undang dan peraturan. Walau bagaimanapun, prinsip pematuhan kita tetap tidak berubah dan tidak sekali-kali berkompromi dengan integriti kita. Kita mempunyai harapan yang tinggi terhadap diri sendiri, para pekerja dan wakil kita, serta hanya akan bekerjasama dengan rakan niaga, pembekal dan subkontraktor yang juga mematuhi standard integriti yang sama tinggi. Kita menggalakkan dan menyokong inisiatif untuk membangunkan dan meningkatkan standard industri bagi kelakuan beretika bersama dengan rakan niaga kita.

Kejayaan kita bergantung pada setiap daripada kita sentiasa melakukan perkara yang betul. Tatakelakuan kita mencerminkan komitmen berterusan kita untuk menerapkan amalan perniagaan beretika dan pematuhan undang-undang di seluruh organisasi global


kita di mana sahaja kita beroperasi dan menjalankan perniagaan bagi pihak Aker Solutions. Tatakelakuan ialah dokumen pentadbir utama kita. Ia menggariskan prinsip-prinsip dan peraturan-peraturan yang jelas tentang cara kita menjalankan perniagaan dan berkelakuan. Semua pekerja Aker Solutions bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi Tatakelakuan, dasar dan prosedur kita, undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Saya dan Lembaga Pengarah kita tegas dengan harapan kami bahawa peraturan dan prinsip yang ditetapkan dalam Tatakelakuan kita hendaklah dipatuhi tanpa pengecualian.

Integriti bermula dengan anda dan saya. Penting untuk kita memahami risiko-risiko integriti yang kita hadapi dalam tugas kita, cara untuk menguruskannya dan dengan siapa kita boleh mendapatkan nasihat dan bantuan jika berasa ragu-ragu. Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk menyuarakan kebimbangan pematuhan dan integriti. Apabila anda bersuara, kita boleh menyelesaikan isu sebelum ia menjadi lebih serius dan kita masih berpeluang untuk menambah baik keadaan. Jika anda terlampau atau terdengar apa-apa sahaja yang mungkin merupakan pelanggaran undang-undang atau peraturan atau Tatakelakuan kita, anda harus melaporkannya sama ada kepada pihak pengurusan anda atau melalui saluran pemberian maklumat kita.

Terima kasih atas komitmen berterusan anda untuk mendukung budaya pematuhan dan integriti kita.



Kjetel Digre
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Aker Solutions



Memahami dan Menerapkan Tatakelakuan kita

Komitmen kita terhadap pematuhan dan integriti

Aker Solutions hendaklah menjalankan perniagaannya secara berintegriti, menghormati undang-undang, budaya dan maruah serta hak individu di semua negara tempat kita beroperasi. Semua pekerja Aker Solutions dikehendaki berkelakuan mengikut prinsip dan keperluan syarikat ini.

Tatakelakuan ini menerangkan mengenai komitmen dan keperluan Aker Solutions tentang pematuhan dan amalan perniagaan beretika serta kelakuan peribadi. Ia menerangkan mengenai kelakuan yang diharapkan oleh Aker Solutions daripada anda dan perkara yang anda dan rakan niaga kita boleh harapkan daripada Aker Solutions.

Untuk membantu kita semua menerapkan Tatakelakuan ini dalam kerja dan keputusan harian kita, kita telah mengubal dasar dan prosedur berkaitan bagi memberikan panduan yang lebih terperinci mengenai keperluan pematuhan. Kita merujuk kepada beberapa dasar dan prosedur tersebut dalam bahagian Tatakelakuan. Semua dokumen pentadbiran syarikat mestilah selaras dengan Tatakelakuan.

Kita harus sentiasa berusaha untuk menggunakan penilaian, perhatian dan pertimbangan yang wajar dalam perkhidmatan kita untuk Aker Solutions. Sekiranya terdapat perbezaan antara undang-undang atau peraturan yang berkaitan, dengan standard yang

dinyatakan dalam Tatakelakuan ini, standard paling tinggi yang selaras dengan undang-undang tempatan yang berkaitan hendaklah digunakan. Pelanggaran Tatakelakuan ini atau undang-undang yang berkaitan boleh membawa kepada tindakan tatatertib dalaman, pemecatan atau malahan pendakwaan jenayah.

Jika anda mempunyai pertanyaan berkenaan kandungan Tatakelakuan ini atau tafsirannya, sila hubungi bahagian Undang-undang atau Integriti Perniagaan dan Pematuhan. Jika anda memerlukan nasihat dalam menangani dilema etika yang khusus, anda hendaklah merujuk kepada pengurus anda atau pihak berkuasa lain yang sesuai. Anda juga boleh menghubungi Talian Bantuan Etika kita di: ethics@akersolutions.com.

Anda digalakkan untuk merujuk rakan sekerja apabila anda mempunyai isu atau soalan mengenai pematuhan Tatakelakuan. Anda juga dikehendaki untuk melaporkan apa-apa bukti pelanggaran Tatakelakuan ini atau undang-undang berkaitan yang anda kenal pasti. Melaporkan pelanggaran secara jujur tidak akan menjadi penyebab dikenakan tindakan tatatertib.

Tatakelakuan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Aker Solutions ASA. Sebarang perubahan, jika ada, mesti diluluskan oleh CEO.

Cara Tatakelakuan

Tatakelakuan ini wajib dipatuhi semua pekerja (termasuk pekerja sementara) dan pengarah di Aker Solutions ASA dan anak syarikatnya, ahli gabungan korporat dan syarikat usaha sama yang dimiliki atau dikawal secara majoriti oleh Aker Solutions (secara individu dan secara kolektif). Ia juga wajib dipatuhi oleh perantara, pelobi, konsultan dan orang lain yang bertindak bagi pihak Aker Solutions.

Aker Solutions menggalakkan semua rakan niaga kita untuk mematuhi prinsip-prinsip yang selaras dengan Tatakelakuan ini. Para pembekal, subkontraktor dan pihak-pihak lain yang mengikat kontrak dengan Aker Solutions, termasuk syarikat yang Aker Solutions memiliki kepentingan minoriti, dikehendaki mematuhi standard yang selaras dengan undang-undang berkenaan dan Tatakelakuan Aker Solutions, serta Aker Solutions mesti berusaha sebaik mungkin untuk memastikan pematuhan tersebut.



Kelestarian dan Tatakelakuan

Kelestarian di Aker Solutions ialah mengenai membuat keputusan perniagaan yang bertanggungjawab bagi mencipta nilai sambil melindungi alam sekitar serta menyumbang untuk kesejahteraan masyarakat dan Tatakelakuan membimbing kita ke arah ini. Bagi kita, perniagaan yang mampan ialah perniagaan yang:

- Bertindak dengan bertanggungjawab untuk kepentingan pekerja dan masyarakat kita
- Komited untuk bekerjasama bagi menghadapi cabaran perubahan iklim, dan
- Mengambil tanggungjawab untuk mewujudkan masa depan yang lebih bersih, selamat dan mampan dengan mencari penyelesaian yang terbaik

Pemegang kepentingan kita telah menyatakan dengan jelas bahawa kita perlu lebih fokus kepada kelestarian dalam operasi kita: para pelanggan dan pelabur meminta maklumat yang lebih terperinci mengenai program-program kelestarian kita, sasaran dan inisiatif, kerajaan dan persatuan industri telah mengeluarkan peraturan-peraturan baharu dan dikemas kini. Para pekerja kita telah menyuarakan kebimbangan sama ada kita bergerak dengan cukup pantas dan ingin mengetahui cara mereka boleh membantu. Transformasi ke arah perniagaan yang lebih mampan dan pengeluaran tenaga boleh diperbaharu yang berjaya akan membawa kita bekerjasama dengan cara yang bertanggungjawab.

Tatakelakuan menggariskan tingkah laku dan tindakan yang diharapkan daripada semua pekerja Aker Solutions sebagai usaha untuk menyelesaikan cabaran tenaga global bagi generasi akan datang.

Tanggungjawab Kita

Tanggungjawab peribadi

Sebagai pekerja Aker Solutions, anda harus sentiasa berusaha untuk menggunakan penilaian, perhatian dan pertimbangan yang wajar dalam perkhidmatan anda untuk Aker Solutions. Anda dikehendaki untuk membiasakan diri anda dan melaksanakan tugas anda selaras dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan di dalam ini. Anda dikehendaki untuk memahami risiko yang anda hadapi dalam tugas anda dan cara untuk mengurus dan mengurangkan risiko-risiko ini. Jika anda memerlukan nasihat dalam menangani dilema etika khusus, anda dinasihatkan untuk merujuk kepada pengurus anda atau pihak berkuasa lain yang sesuai. Integriti Perniagaan dan Pematuhan juga boleh dihubungi bagi mendapatkan nasihat.

Tanggungjawab Naib Presiden Eksekutif dan Pengurus Barisan

Naib Presiden Eksekutif dan Pengurus Barisan dikehendaki untuk berkomunikasi secara aktif dan melaksanakan keperluan-keperluan dalam Tatakelakuan terhadap orang bawahan mereka dan bertindak sebagai contoh. Para pengurus juga bertanggungjawab untuk menggalakkan dan mengawasi pematuhan Tatakelakuan dalam bidang tanggungjawab mereka masing-masing.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah dan CEO

Lembaga Pengarah Aker Solutions bertanggungjawab untuk menjaga, melaksana dan menyelia pengurusan Tatakelakuan ini. CEO Aker Solutions harus memastikan bahawa para pekerja tahu dan patuh dengan Tatakelakuan ini. CEO harus memastikan latihan tahunan Tatakelakuan dijalankan untuk para pekerja syarikat dan pekerja pula, sebagai sebahagian daripada latihan tersebut atau proses lain yang sesuai, perlu menurunkan tandatangan bahawa mereka telah membaca dan memahami Tatakelakuan.



Pengisytiharan Pematuhan

Pada setiap tahun, anda sebagai pekerja (termasuk pekerja sementara) dan/atau pengarah di Aker Solutions ASA akan diminta untuk mengesahkan dengan menurunkan tandatangan bahawa anda telah membaca dan membiasakan diri anda dengan Tatakelakuan ini, dan bahawa anda telah menjalankan tugas dan tanggungjawab anda pada tahun lepas mengikut keperluan yang dinyatakan dalam Tatakelakuan ini.

Para pembekal, subkontraktor, wakil dan pihak-pihak lain yang mengikat kontrak dengan Aker Solutions dikehendaki untuk mempunyai standard pematuhan dan etika yang sesuai dengan Tatakelakuan ini dan juga harus menandatangani pengisytiharan yang mengesahkan pematuhan terhadap keperluan-keperluan yang dinyatakan dalam Tatakelakuan ini.





Sistem Pematuhan kita

Program Integriti Perniagaan dan Pematuhan kita

Program integriti perniagaan Aker Solutions direka untuk menggalakkan budaya etika dan pematuhan serta untuk mengelak, mengesan dan bertindak balas kepada risiko integriti, dan belajar daripada insiden. Kesedaran ditingkatkan melalui pelbagai saluran dan aktiviti-aktiviti kawalan utama direka untuk diintegrasikan dalam proses perniagaan bagi memastikan fokus berterusan dan pengurangan risiko yang dikenal pasti pada peringkat awal. Tatakelakuan ini ditambah dengan dasar dan prosedur memberikan penjelasan lanjut mengenai tanggungjawab, serta proses dan alat wajib untuk pelaksanaan aktiviti dan kawalan antipenipuan. Aker Solutions menggunakan pendekatan berasaskan risiko dalam kerja integriti perniagaannya, membolehkan proses penentuan keutamaan sumber dan tindakan ke arah aktiviti berisiko tinggi. Program ini ditambah baik setiap masa untuk memastikan cth. pengajaran yang telah dipelajari, perubahan dalam panduan daripada pihak berkuasa kawal selia, serta peluang lain untuk meningkatkan prestasi dan terus memenuhi harapan pihak berkepentingan. Elemen utama program pematuhan termasuk:

Pencegahan:

- Dokumen pentadbir yang kukuh
- Komunikasi mengenai harapan yang jelas dan nyata pada semua peringkat dalam organisasi
- Program latihan berasaskan risiko, kesedaran dan pengajaran dalaman yang dipelajari
- Semakan integriti wajar berasaskan risiko ke atas rakan niaga, wakil pihak ketiga, pembekal, subkontraktor dan klien

Pengesanan:

- Saluran yang berkesan untuk melaporkan kebimbangan / pemberian maklumat
- Aktiviti pengawasan, pemeriksaan, semak semula dan audit berasaskan risiko

Respons:

- Siasatan yang memuaskan untuk semua kebimbangan / maklumat yang dilaporkan
- Merekodkan pengajaran yang dipelajari daripada insiden secara sistematik
- Pelaksanaan maklum balas / tindakan penambahbaikan yang konsisten, termasuk tindakan tatatertib
- Pelaporan secara tetap kepada CEO dan Jawatankuasa Audit dan dalam Laporan Kelestarian tahunan

Pelaporan dan kebebasan

Ketua Pegawai Pematuhan mempunyai garis pelaporan secara terus dan bebas kepada Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit sering menyemak semula pematuhan syarikat terhadap Tatakelakuan ini dan dokumen sokongan. Ketua Pegawai Pematuhan melaporkan kepada Jawatankuasa Audit mengenai reka bentuk, pelaksanaan dan keberkesanan program integriti perniagaan syarikat, aktiviti dan semakan semula yang dijalankan oleh organisasi dalam hal ini. Fokus khusus diberikan kepada kes pemberian maklumat dan siasatan bebas berkenaan Tatakelakuan, tindakan susulan terhadap rakan niaga berisiko tinggi termasuk wakil pihak ketiga serta kepatuhan terhadap hak asasi manusia dan privasi data. Jawatankuasa Audit berjumpa dengan Ketua Pegawai Pematuhan secara berasingan, tanpa kehadiran ahli pengurusan sekurang-kurangnya sekali setahun.



Budaya Bersuara

Kita komited untuk membina budaya kepercayaan yang memberikan keselesaan kepada pekerja untuk bertanya soalan, meminta panduan, membangkitkan kebimbangan dan melaporkan pelanggaran yang disyaki. Kita mempertimbangkan soalan dan kebimbangan anda secara serius. Kita semua mempunyai tanggungjawab dan mesti berani untuk bersuara dengan segera mengenai soalan atau isu etika, dan apa-apa jua yang kita percaya, secara jujur, pelanggaran yang disyaki.


Pemberian Maklumat - Makluman Pelanggaran

Jika anda mengetahui atau mengesyaki berlakunya apa-apa salah laku, salah laku tersebut harus segera dimaklumkan kepada pengurus anda, pasukan Pekerja & Organisasi, atau pengurus Aker Solutions lain yang anda percayai dan pasukan Pematuhan.

Jika anda tidak mendapat maklum balas terhadap maklumat yang anda berikan atau anda lebih suka untuk tidak maklumkan kepada mana-mana pihak yang dikenal pasti di atas, anda digesa untuk memaklukkannya menerusi saluran pemberian maklumat Aker Solutions.

Makluman boleh dihantar tanpa menyatakan nama melalui saluran pemberian maklumat Aker Solutions di <http://akersolutions.com/whistleblowing> atau melalui e-mel kepada whistleblowing@akersolutions.com.

Saluran pemberian maklumat dibuka kepada semua pekerja dan bukan pekerja untuk memaklumkan sebarang kebimbangan salah laku. Semua makluman melalui saluran pemberian maklumat ini diterima dan diurus oleh jabatan Integriti Perniagaan dan Pematuhan (BIC) Aker Solutions dan dikendalikan secara rahsia. BIC mendapat mandat daripada Lembaga Pengarah Aker Solutions untuk menyiasat pelanggaran pematuhan yang didakwa. Semua siasatan adalah tertakluk pada laporan tetap kepada dan pengawasan oleh Jawatankuasa Lembaga Audit.



Bersuara, menyuarakan
kebimbangan dan melaporkan
pelanggaran yang disyaki

Toleransi sifar terhadap tindakan balas

Kita tidak akan bertolak ansur terhadap tindakan balas ke atas sesiapa sahaja yang bersuara secara jujur untuk bertanyakan soalan, menyuarakan kebimbangan, melaporkan pelanggaran yang disyaki atau turut serta dalam siasatan dalaman syarikat. Jujur bermaksud anda benar-benar percaya bahawa wujudnya isu yang sah. Mana-mana pekerja yang dengan sengaja membuat makluman palsu yang bertujuan untuk memudaratkan individu lain akan dikenakan tindakan tatatertib.

Butiran dan panduan yang lebih lanjut dinyatakan dalam Prosedur Pemberitahuan Maklumat dalaman kita.





Mengambil berat
tentang Orang lain

AkerSolutions

Antigangguan dan Ugutan

Di Aker Solutions, setiap orang perlu dilayan dengan adil, hormat dan bermaruah. Kita tidak bertolak ansur dengan apa-apa bentuk penderaan, gangguan, ugutan, buli, perlakuan merendahkan atau tingkah laku seksual yang menyinggung perasaan oleh atau terhadap pekerja atau orang lain yang terjejas dengan operasi kita. Komen atau apa-apa bentuk mesej kesat, kata-kata menghina atau jenaka tidak sesuai adalah tidak boleh diterima.

Tanggungjawab anda

- Ambil langkah untuk mewujudkan persekitaran kerja yang baik – bebas daripada sebarang gangguan
- Jangan sekali-kali terlibat dalam penderaan, gangguan, buli, keganasan tempat kerja, tingkah laku jelik bersifat seksual atau tingkah laku lain yang mungkin dianggap mengancam atau menjatuhkan maruah oleh rakan sekerja atau rakan niaga
- Hormati adat resam dan budaya orang lain
- Jika anda dapat tahu mengenai apa-apa situasi yang melanggar prinsip-prinsip di atas, bersuara atau laporkan kebimbangan anda

Kepelbagaian dan Peluang Sama Rata

Para pekerja yang cekap dan bermotivasi sangat penting untuk kejayaan Aker Solutions. Dengan beribu-ribu pekerja di seluruh dunia yang mewakili pelbagai budaya dan tradisi, Aker Solutions komited untuk memastikan bahawa sumbangan unik yang dibawa oleh setiap pekerja kepada syarikat adalah amat digalakkan. Bagi memastikan semua orang boleh menggunakan sepenuhnya bakat mereka, kita harus mengalu-alukan, mendengar dan menghormati idea-idea mereka yang berbeza latar belakang ini.

Para pekerja kita mengharapkan tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi. Kita tidak akan bertolak ansur dengan diskriminasi terhadap mana-mana pekerja berdasarkan umur, jantina, orientasi seksual, ketidakupayaan, kaum, kewarganegaraan, pendapat politik, agama atau latar belakang etnik, atau apa-apa sahaja sebab yang dilarang oleh undang-undang.

Tanggungjawab anda

- Layan setiap orang secara bermaruah, adil dan hormat
- Dasarkan keputusan berkaitan kerja anda pada merit
- Galak dan dengar mereka yang bersuara



Hak Asasi Manusia dan Buruh

Aker Solutions ialah ahli UN Global Compact. Kita menyokong dan menghormati hak asasi manusia dan hak buruh yang diisytiharkan pada peringkat antarabangsa, termasuk Deklarasi dan Konvensyen Antarabangsa PBB mengenai Hak Asasi Manusia, Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional, Deklarasi ILO mengenai Prinsip-prinsip Asas dan Hak-hak di Tempat Kerja, konvensyen teras ILO dan Akta Perhambaan Moden UK.

Aker Solutions mengiktiraf hak semua pekerja untuk membentuk dan menyertai kesatuan sekerja yang mereka pilih sendiri. Kita telah sekian lama mempunyai tradisi yang menyertakan dan melibatkan pekerja dan kesatuan sekerja mereka serta yakin tradisi ini menambah baik proses membuat keputusan. Di negara di mana hak untuk membentuk kesatuan disekat, Aker Solutions akan cuba untuk mewujudkan jalan alternatif bagi memberikan peluang kepada pekerja untuk mempengaruhi situasi kerja mereka.

Aker Solutions tidak akan menggunakan tenaga buruh kanak-kanak atau buruh paksa dan tidak akan bertolak ansur dengan keadaan atau layanan kerja yang bercanggah dengan undang-undang dan amalan antarabangsa. Kita mengamalkan pendekatan sifar toleransi terhadap perhambaan buruh moden dan penyeludupan manusia.

Aker Solutions harus memastikan bahawa syarikat, melalui operasinya, tidak menyebabkan apa-apa pelanggaran hak asasi manusia dan buruh. Syarikat komited untuk melaksanakan dan menguatkuasakan sistem yang berkesan untuk meminimumkan risiko pelanggaran hak asasi manusia dan buruh dalam operasi kita sendiri dan juga dalam rantaian bekalan kita.

Tanggungjawab anda

- Jangan sekali-kali menyebabkan atau menyumbang kepada pelanggaran atau pemintasan hak asasi manusia dan buruh
- Hormati maruah diri, privasi dan hak setiap individu yang berinteraksi dengan anda sewaktu bekerja dan mereka yang terlibat dengan operasi perniagaan kita
- Maklumkan kepada pengurus anda secara bertulis jika anda mengetahui mengenai apa-apa situasi yang melanggar prinsip-prinsip di atas

Kesehatan, keselamatan dan sekuriti

Operasi yang selamat ialah perkara paling utama kepada kita. Aker Solutions selalu melakukan kerja dalam keadaan yang mencabar, memerlukan tahap ketekunan paling tinggi bagi menjaga keselamatan pekerja dan pelanggan, subkontraktor, konsultan dan pihak-pihak lain. Kita percaya semua insiden boleh dan patut dicegah, dan berusaha untuk mencapai sifar mudarat kepada manusia, aset dan alam sekitar. Kita komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat kepada pekerja, kontraktor dan pelawat kita.

Aker Solutions mengikut Prinsip Sukarela mengenai Keselamatan dan Hak Asasi Manusia bagi memastikan bahawa kita beroperasi berdasarkan rangka kerja dan mengikut standard yang menggalakkan hak asasi manusia dihormati.

Tanggungjawab anda

- Keselamatan dan sekuriti ialah tanggungjawab semua orang. Anda mesti memahami dan bertindak dengan bertanggungjawab untuk menyumbang kepada persekitaran kerja yang sihat dan selamat
- Hentikan kerja dengan segera jika anda merasakannya situasi tidak selamat
- Laporkan sebarang insiden atau keadaan tidak selamat dengan kadar segera. Jika anda melihat sesuatu, katakan sesuatu
- Ketahui prosedur kecemasan berkaitan kerja anda



Dadah dan Alkohol

Aker Solutions ialah tempat kerja yang bebas dari dadah dan alkohol. Kita tidak akan bertolak ansur dengan sesiapa sahaja yang berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol semasa bekerja untuk Aker Solutions. Walau bagaimanapun, alkohol dalam kuantiti yang terhad boleh diambil jika budaya tempatan dan keadaan menjadikannya wajar, dan dengan syarat tidak mengendalikan jentera, memandu atau melakukan apa-apa aktiviti lain yang tidak sesuai semasa alkohol diambil. Ujian untuk dadah dan alkohol boleh dijalankan pada bila-bila masa yang dirasakan perlu dan mengikut undang-undang yang berkenaan.

Tanggungjawab anda

- Jangan sekali-kali bekerja di bawah pengaruh dadah atau alkohol
- Sentiasa peka dengan majlis berkaitan kerja yang menghadirkan alkohol dan ambil secara sederhana



Melanggan Khidmat Seks

Melanggan khidmat seks mungkin menyalahi undang-undang, menyokong penyeludupan manusia dan menimbulkan risiko keselamatan. Penyeludupan manusia ialah pelanggaran hak asasi manusia. Tidak kira apa pun undang-undang, peraturan dan adat tempatan, Aker Solutions melarang langganan khidmat seks sewaktu dalam tugas atau lawatan kerja untuk syarikat. Ini termasuk mana-mana sumbangan untuk melanggan khidmat sebegini.

Tanggungjawab anda

- Jangan sekali-kali melanggan khidmat seks apabila anda sedang dalam lawatan kerja atau tugas lain, termasuk tugas jangka panjang.
- Jangan sekali-kali mempengaruhi orang lain untuk melanggan khidmat seks dan jangan terima langganan khidmat seks yang dibayar oleh orang lain.



Bertindak secara
Berintegriti

Antirasuah

Aker Solutions melarang apa-apa peruntukan, penerimaan sebarang jenis sogokan atau penawaran kepada mana-mana individu, sama ada persendirian atau awam, sama ada secara langsung atau melalui mana-mana pihak ketiga.

Sogokan berlaku apabila anda menawarkan, membayar, meminta atau menerima bayaran, hadiah atau manfaat yang tidak wajar bertujuan mempengaruhi hasil atau keputusan perniagaan atau kerajaan. Terlibat dalam sogokan atau menutup mata terhadap kecurigaan anda tentang berlakunya sogokan, boleh mengakibatkan liabiliti kepada Aker Solutions dan juga anda sendiri. Sogokan boleh berlaku dalam bentuk wang, atau apa-apa benda lain yang bernilai, seperti hadiah atau derma, manfaat pelancongan, manfaat kerja, atau apa-apa faedah lain.

Perdagangan pengaruh haram wujud apabila seseorang yang mendakwa mampu untuk mempengaruhi pembuat keputusan, mengeksploitasi peluang untuk menuntut atau menerima faedah sebagai balasan untuk menggunakan pengaruh tersebut, dan apabila faedah itu adalah tidak wajar. Sesiapa yang mewakili Aker Solutions adalah dilarang sama sekali daripada terlibat dalam apa-apa urusan niaga yang mungkin melibatkan atau dianggap melibatkan perdagangan pengaruh haram.

“Bayaran pemudahan” juga dikenali sebagai bayaran “duit kopi” atau “suapan”, ialah bayaran kecil tidak rasmi yang bertujuan untuk mempercepat atau menjamin peruntukan produk atau perkhidmatan yang anda atau syarikat berhak dapatkan secara sah. Bayaran pemudahan adalah salah di sisi beberapa undang-undang antisogokan yang relevan kepada Aker Solutions dan Aker Solutions menganggapnya sebagai sejenis sogokan. Sesiapa yang mewakili Aker Solutions adalah dilarang sama sekali daripada menawarkan atau membuat bayaran pemudahan.

Aker Solutions mempunyai peraturan ketat mengenai penggunaan pihak ketiga untuk menyokong aktiviti komersial berkaitan jualan. Semua penggunaan Wakil Pihak Ketiga harus dilakukan mengikut Prosedur Kelayakan Rakan Niaga dan Penilaian Wajar Integriti (IDD).

Tiada pekerja atau rakan niaga akan mengalami akibat buruk apabila menolak untuk terlibat dalam aktiviti pembayaran yang tidak wajar, walaupun ia akan mengakibatkan kerugian perniagaan.

Tanggungjawab anda

- Pastikan semua bayaran yang dibuat adalah wajar dan sah, telah diluluskan oleh pegawai Aker Solutions yang berkenaan, dan ia telah direkodkan dengan betul dalam buku dan rekod Aker Solutions
- Jangan sekali-kali (sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui pihak ketiga) menawarkan apa-apa yang bernilai untuk mempengaruhi tindakan atau keputusan mana-mana individu secara tidak wajar, termasuk mana-mana pegawai awam atau pihak persendirian, untuk kepentingan Aker Solutions
- Jangan buat bayaran pemudahan meskipun jika ia tidak dianggap sebagai kesalahan jenayah di bawah bidang kuasa tertentu. Jika bayaran dituntut daripada anda bagi menghindarkan ancaman segera terhadap nyawa atau kesihatan mana-mana individu, bayaran tersebut tidak dilarang tetapi mesti dilaporkan kepada bahagian Integriti Perniagaan dan Pematuhan dengan segera
- Jangan gunakan Wakil Pihak Ketiga tanpa kelulusan khusus daripada CEO Aker Solutions

Bekerja dengan Rakan Niaga

Kejayaan syarikat kita bergantung pada kerjasama daripada semua rakan niaga kita – pembekal, kontraktor, ejen, rakan kongsi usaha sama, konsultan dan pihak-pihak lain. Pembekal dan rakan niaga kita yang lain dikehendaki mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan, menghormati hak asasi manusia yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa dan menjalankan perniagaan mereka secara berintegriti.

Pembekal yang mempunyai hubungan kontraktual secara langsung dengan Aker Solutions harus mematuhi standard pematuhan dan integriti yang diperincikan dalam Deklarasi Pembekal yang menerangkan dengan jelas keperluan dan harapan dalam etika perniagaan dan antirasuah, menghormati hak asasi manusia dan keadaan kerja, dan pematuhan alam sekitar. Kegagalan untuk mematuhi keperluan-keperluan ini boleh mengakibatkan penamatan hubungan perniagaan.

Kita perlu berwaspada apabila menandatangani perjanjian dengan perantara, iaitu rakan niaga yang bertindak bagi pihak kita yang mungkin merangkumi ejen, konsultan, pelobi, kerana Aker Solutions mungkin boleh dipertanggungjawabkan atas tindakan mereka.

Tanggungjawab anda

- Sebelum menjalin atau membarui hubungan perniagaan, anda mesti mengikut prosedur kita berkenaan penilaian wajar integriti dan penilaian wajar hak asasi manusia berasaskan risiko untuk memastikan bahawa reputasi dan latar belakang rakan niaga memenuhi standard dan harapan kita
- Sampaikan harapan integriti perniagaan kita dengan jelas kepada pembekal dan rakan niaga
- Sentiasa berhati-hati semasa menjalankan pemerhatian sepanjang tempoh penglibatan kontraktual dengan kita
- Laporkan dengan segera sebarang kebimbangan anda mengenai integriti atau salah laku pembekal atau rakan niaga kepada pengurus barisan anda, pasukan Integriti Perniagaan dan Pematuhan atau saluran pelaporan lain yang tersedia

Pencegahan Pengubahan Wang Haram

Pengubahan wang haram membiayai aktiviti jenayah, termasuk penyeludupan dadah, keganasan, rasuah dan pengelakan cukai. Pengubahan wang haram ialah proses menyembunyikan hasil jenayah bagi melindungi sumber asalnya yang haram atau mengendalikan hasil jenayah. Hasil jenayah merangkumi bukan hanya wang, tetapi semua bentuk aset, hartanah dan harta tak ketara yang diperoleh daripada aktiviti jenayah.

Aker Solutions komited untuk mematuhi semua undang-undang pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan keganasan. Kita akan menjalankan perniagaan hanya dengan pelanggan yang bereputasi baik dan rakan niaga yang terlibat dalam aktiviti perniagaan yang sah, dengan dana yang diperoleh daripada sumber yang sah.

Tanggungjawab anda

- Jalankan penilaian wajar rakan niaga yang sesuai untuk memahami perniagaan dan latar belakang bakal rakan niaga kita dan juga untuk menentukan asal serta destinasi wang dan harta
- Walaupun hanya segelintir daripada kita yang akan menghadapi isu pengubahan wang haram, berhati-hati terhadap percubaan untuk menerima atau membuat bayaran secara tunai atau urus niaga yang melibatkan urusan perbankan atau pembayaran luar biasa
- Laporkan urus niaga meragukan atau insiden pengubahan wang haram kepada bahagian Integriti Perniagaan dan Pematuhan

Kerahsiaan

Aker Solutions komited untuk melindungi maklumat sulit. Kita tidak akan menyalah guna maklumat yang kita dimiliki atau maklumat mana-mana rakan niaga kita.

Tanggungjawab anda

- Anda mempunyai tanggungjawab kerahsiaan yang berlarutan walaupun selepas tamat kerja atau hubungan kontraktual dengan Aker Solutions, selagi maklumat tersebut dianggap masih bersifat sensitif atau sulit
- Rahsiakan semua perkara yang membolehkan pihak ketiga mengakses maklumat sulit tanpa kebenaran
- Pertimbangkan dengan teliti mengenai bagaimana, di mana dan dengan siapa perkara berkaitan Aker Solutions dibincangkan
- Jika anda mendapati anda sendiri memiliki atau menyedari sesiapa sahaja memiliki maklumat sulit milik pihak luar tanpa kebenaran, hubungi bahagian Integriti Perniagaan dan Pematuhan dengan segera. Jangan berbincang atau berkongsi maklumat itu dengan sesiapa pun





Konflik Kepentingan

Konflik kepentingan berlaku apabila hubungan peribadi, penyertaan dalam aktiviti luar atau kepentingan dalam usaha niaga lain boleh mempengaruhi atau boleh dianggap sebagai mempengaruhi keputusan seseorang apabila bertindak untuk Aker Solutions. Ia mungkin berpunca daripada cita-cita peribadi, komitmen kewangan atau perniagaan, keahlian sesebuah organisasi, ahli keluarga atau hubungan peribadi. "Ahli keluarga" merangkumi suami atau isteri, pasangan romantik, ibu bapa / ibu bapa tiri, anak / anak tiri, adik beradik / adik beradik tiri, sepupu, anak saudara lelaki, anak saudara perempuan, makcik, pakcik, datuk dan nenek, cucu dan ibu bapa mertua serta mana-mana individu lain yang tinggal bersama anda kecuali penyewa dan pekerja rumah.

Semua urusan niaga perniagaan mesti dibuat semata-mata untuk kepentingan terbaik Aker Solutions. Apa-apa yang dianggap atau benar-benar konflik kepentingan yang tidak boleh dielakkan secara munasabah, hendaklah dibuat secara telus sepenuhnya dan dilaporkan. Pengurus bertanggungjawab untuk menilai makluman, menimbang tindakan selanjutnya dan memastikan tindakan dilaksanakan.

Semua jawatan pengarah, pekerjaan atau tugas lain yang dipegang atau dijalankan oleh pekerja Aker Solutions dalam perusahaan lain yang mempunyai, atau mungkin dijangka mempunyai hubungan komersial dengan Aker Solutions, mesti diluluskan secara bertulis oleh Aker Solutions.

Tanggungjawab anda

- Bertindak demi kepentingan terbaik Aker Solutions dan ambil langkah yang perlu untuk mengelakkan situasi dan kedudukan yang mungkin mewujudkan atau kelihatan seperti mewujudkan konflik kepentingan
- Jangan turut serta dalam sebarang urusan niaga atau pengaturan perniagaan lain bagi pihak Aker Solutions yang anda secara langsung atau tidak langsung mempunyai, atau secara munasabah boleh disyaki mempunyai, kepentingan peribadi atau sebaliknya, secara langsung atau tidak langsung, mendapat manfaat daripada kedudukan anda di Aker Solutions
- Elakkan daripada mempunyai kepentingan di luar syarikat dalam apa-apa perniagaan yang bersaing dengan atau menyediakan perkhidmatan kepada Aker Solutions atau anak syarikatnya, yang boleh menjejaskan sifat objektif anda sewaktu menjalankan tanggungjawab syarikat anda
- Elakkan daripada menjalankan perniagaan bagi pihak Aker Solutions dengan kawan rapat sendiri atau ahli keluarga
- Jika anda merasakan anda mungkin berada dalam situasi yang boleh dianggap sebagai konflik, ia menjadi tanggungjawab anda sendiri untuk mendedahkan kemungkinan konflik dan semua fakta berkaitan kepada penyelia atau pengurus anda dengan segera
- Sebagai pengurus, pastikan individu yang berkonflik diasingkan daripada apa-apa operasi, pengaruh dan/atau proses membuat keputusan yang berkaitan dengan subjek konflik

Persaingan Adil

Undang-undang antitrust (antimonopoli) melindungi perusahaan bebas dan melarang tingkah laku yang meniadakan perdagangan atau menyekat persaingan adil untuk setiap tahap perniagaan. Undang-undang antitrust memerangi amalan menyalahi undang-undang seperti penetapan harga, perkongsian pasaran atau konspirasi penipuan bidaan, atau tingkah laku yang bertujuan untuk mencapai atau mengekalkan monopoli.

Aker Solutions tidak bertolak ansur dengan pelanggaran sebarang undang-undang dan peraturan antitrust. Syarikat komited terhadap persaingan yang adil dan terbuka serta untuk tidak terlibat dalam apa-apa aktiviti yang melibatkan memperoleh, menerima, menggunakan atau berkongsi maklumat sensitif persaingan atau komersial bukan awam secara tidak sah. Contoh maklumat-maklumat sedemikian boleh merangkumi harga semasa atau masa depan, kontrak sedia ada, bidaan kompetitif, strategi komersial, kos atau jenis maklumat sensitif bukan umum berkaitan persaingan atau komersial yang lain.

Tanggungjawab anda

- Patuh dengan undang-undang antitrust yang berkaitan
- Jangan terlibat dalam mana-mana aktiviti yang melibatkan memperoleh, menerima, menggunakan atau berkongsi maklumat sensitif bukan umum berkaitan persaingan atau komersial tanpa alasan yang sah
- Jika anda mendapati anda sendiri memiliki atau menyedari sesiapa sahaja memiliki maklumat sensitif bukan umum berkaitan persaingan atau komersial, hubungi bahagian Integriti Perniagaan dan Pematuhan dengan segera. Jangan berbincang atau berkongsi maklumat dengan sesiapa pun
- Dapatkan nasihat daripada bahagian Undang-undang dalam semua perkara yang melibatkan risiko pendedahan antitrust kepada Aker Solutions, anda sendiri atau mana-mana individu yang melapor kepada anda

Hadiah dan Hospitaliti

Aker Solutions tidak membenarkan hadiah atau hospitaliti sekiranya memberi atau menerimanya boleh mempengaruhi keputusan perniagaan, melanggar sebarang undang-undang tempatan atau dasar syarikat penerima, atau menyebabkan orang lain mengangap terdapat pengaruh atau pelanggaran tersebut. Aker Solutions tidak mengharapkan hadiah atau hospitaliti daripada mana-mana rakan kongsi perniagaan kita.

Dasar syarikat kita ialah Aker Solutions tidak menerima atau menawarkan hadiah atau hospitaliti - kecuali dalam beberapa keadaan terhad seperti yang diperincikan dalam Prosedur Hadiah dan Hospitaliti kita. Hospitaliti hanya boleh diterima atau ditawarkan jika ia digabungkan dengan mesyuarat perniagaan atau terdapat sebab perniagaan lain yang jelas untuk dihadiri, dan perbelanjaannya adalah dalam had jumlah yang dinyatakan dalam Prosedur yang sama.

Semua hadiah dan hospitaliti yang ditawarkan dan diterima mesti sentiasa direkodkan dengan betul dalam Daftar Hadiah dan Hospitaliti Aker Solutions. Ini termasuk hadiah dan hospitaliti yang diterima menurut Prosedur Hadiah dan Hospitaliti, dan juga apabila hadiah atau hospitaliti ditawarkan tetapi ditolak kerana tidak mematuhi dasar kita.

Hadiah, hospitaliti atau apa-apa faedah kewangan atau faedah lain tidak harus dijanjikan, ditawarkan kepada atau diterima daripada pegawai awam kecuali ia tertakluk pada prakelulusan bertulis yang khusus

daripada bahagian Integriti Perniagaan dan Pematuhan. Undang-undang tempatan mungkin menyekat atau malahan melarang pemberian hadiah dan hospitaliti kepada pegawai awam (lihat bab berkenaan Pegawai Awam).

Tanggungjawab anda

- Jangan sekali-kali menerima atau memberikan hadiah atau hospitaliti yang akan mempengaruhi pertimbangan anda atau mana-mana individu lain, atau menyebabkan orang lain mengangap terdapat pengaruh sebegitu
- Jangan meminta hadiah, hospitaliti atau faedah lain untuk manfaat peribadi daripada mana-mana pihak berkepentingan Aker Solutions
- Jangan menerima atau memberi hadiah dalam situasi perundingan kontrak, pembidaan atau penganugerahan
- Jangan memberi atau menerima hospitaliti, perbelanjaan, atau faedah lain jika ia boleh dianggap sebagai mempengaruhi keputusan dalam situasi perundingan kontrak, pembidaan atau penganugerahan
- Jika ragu-ragu, sentiasa rujuk kepada pengurus anda atau bahagian Integriti Perniagaan dan Pematuhan

Maklumat Orang Dalam

Anda terlibat dalam urus niaga orang dalam apabila anda berdagang dalam saham dagangan awam atau apa-apa sekuriti lain ketika memiliki maklumat khusus yang mampu mempengaruhi harga saham atau sekuriti dan tidak tersedia kepada umum atau secara amnya diketahui dalam pasaran, atau apabila anda mendedahkan maklumat ini kepada orang lain atau mempengaruhi orang lain yang kemudiannya berdagang dalam saham atau sekuriti lain tersebut. Ia satu kesalahan jenayah untuk berdagang dalam saham atau sekuriti lain Aker Solutions berdasarkan maklumat orang dalam.

Pemegang maklumat orang dalam berkaitan dengan harga saham Aker Solutions hanya boleh menyampaikan maklumat ini kepada individu yang memerlukan maklumat ini dalam kerja mereka untuk Aker Solutions dan hanya dengan kebenaran daripada pengurusnya serta penyenaiaan wajar individu tersebut dalam sistem penyenaiaan orang dalam Aker Solutions.

Butiran dan panduan yang lebih lanjut dinyatakan dalam Prosedur Orang Dalam kita.

Tanggungjawab anda

- Lindungi maklumat sulit perniagaan dan jangan sekali-kali menggunakannya untuk manfaat anda sendiri, khususnya apabila berdagang dalam saham atau sekuriti lain atau mengesyorkan kepada orang lain untuk berbuat demikian
- Jangan menyebarkan khabar angin, memperdaya dengan maklumat palsu atau memanipulasi harga
- Patuhi dasar Aker Solutions apabila berdagang dalam saham atau sekuriti Aker Solutions yang lain atau mana-mana syarikat berkaitan yang anda mungkin terima maklumat daripada orang lain melalui kerja anda untuk Aker Solutions
- Dapatkan nasihat daripada bahagian Undang-undang dalam semua perkara yang melibatkan risiko maklumat orang dalam



Sekatan Perdagangan Antarabangsa dan Wilayah yang Dipertikai


Sekatan antarabangsa dan ekonomi mengenakan larangan dan sekatan terhadap negara-negara tertentu ke atas penjualan, pembekalan, pemindahan, peruntukan atau eksport, secara langsung atau tidak langsung, barangan, teknologi, perisian, perkhidmatan dan dana tertentu, serta perkhidmatan broker dan bantuan teknikal, termasuk pendedahan maklumat. Undang-undang sekatan juga melarang urus niaga dengan pihak-pihak tertentu, yang ditetapkan secara khusus oleh kerajaan untuk pembatasan sekatan.

Aker Solutions mematuhi semua undang-undang dan peraturan sekatan yang berkaitan. Oleh itu, perhatian khusus perlu diberikan terhadap undang-undang sekatan apabila menjalankan perniagaan di negara tertentu. Aker Solutions juga perlu mengelak daripada menyerahkan kerja kepada projek di wilayah yang dipertikai, dan berwaspada apabila melakukan kerja yang dalam cara yang lain mungkin melibatkan wilayah yang dipertikai.

Butiran dan panduan yang lebih lanjut dinyatakan dalam Panduan Sekatan dalamalan kita.

Tanggungjawab anda

- Pastikan pematuhan dengan semua undang-undang sekatan yang berkaitan
- Sebelum anda terlibat dalam perniagaan dengan mana-mana pihak, pastikan bahawa pihak-pihak berkenaan tidak tertakluk pada sekatan
- Fikir baik-baik mengenai kemungkinan impak sekatan antarabangsa sebelum memindahkan barangan, teknologi, perisian atau perkhidmatan merentasi sempadan negara
- Berhati-hati apabila berurusan dengan pihak yang berasal dari negara yang dikenakan sekatan, atau yang ditetapkan untuk sekatan kewangan



Kawalan Eksport

Undang-undang kawalan eksport mengenakan sekatan dan larangan ke atas penjualan, penghantaran, pemindahan elektronik, peruntukan, atau pendedahan maklumat, perisian, barangan, aset, dana dan perkhidmatan tertentu merentasi sempadan negara atau melibatkan pihak yang tertakluk pada sekatan ekonomi. Eksport yang tertakluk pada undang-undang kawalan eksport memerlukan dokumen pelepasan kastam, lesen dan/atau kelulusan daripada pihak berkuasa negara sebelum pengeksportan. Eksport termasuk bukan hanya yang dipersetujui melalui kaedah penghantaran tradisional, tetapi juga boleh diperluaskan kepada pemindahan secara elektronik, melalui perbincangan atau pemeriksaan visual. Aker Solutions mematuhi semua undang-undang kawalan eksport yang berkaitan.

Tanggungjawab anda

- Fikir baik-baik mengenai kemungkinan impak undang-undang kawalan eksport sebelum memindahkan barangan, teknologi, perisian atau perkhidmatan merentasi sempadan negara dan pastikan ia selaras dengan semua undang-undang kawalan eksport yang berkenaan
- Sentiasa menilai sama ada mana-mana barangan, teknologi, perisian atau perkhidmatan yang dieksport disenaraikan dalam mana-mana senarai dwiguna atau senarai ketenteraan yang sama. Jika ragu-ragu, rujuk pengurus anda untuk mendapatkan nasihat

Pegawai Awam

“Pegawai Awam” bermaksud mana-mana pegawai atau pekerja kerajaan, jabatan kerajaan, agensi atau perusahaan negeri dimiliki atau dikawal kerajaan, mana-mana individu yang bertindak dalam kapasiti rasmi untuk atau bagi pihak kerajaan atau entiti kerajaan atau organisasi antarabangsa, mana-mana parti politik atau pegawai parti, atau mana-mana calon jawatan politik. Pegawai awam merangkumi bukan hanya pegawai terpilih, tetapi juga konsultan yang memegang jawatan kerajaan dan pegawai parti politik.

Berurusan dengan pegawai awam memerlukan kita lebih berhati-hati dalam tingkah laku kita. Hadiah, hospitaliti atau apa-apa faedah kewangan atau faedah lain tidak harus ditawarkan, diberikan kepada atau diterima daripada pegawai awam kecuali ia tertakluk pada prakelulusan bertulis yang khusus daripada bahagian Integriti Perniagaan dan Pematuhan. Undang-undang tempatan mungkin menyekat atau malahan melarang pemberian hadiah dan hiburan kepada pegawai awam.

Tanggungjawab anda

- Sebagai wakil Aker Solutions, bagi mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau lain-lain faedah tidak wajar dalam menjalankan perniagaan, jangan sekali-kali menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa faedah tidak berpatutan kepada pegawai awam untuk melakukan tindakan rasmi atau mengelak daripada bertindak berhubung dengan pelaksanaan tugasnya. Ini termasuk sama ada faedah ditawarkan secara langsung atau melalui perantara
- Apabila berurusan dengan pegawai awam, lakukannya dengan cara yang telus dan berterus terang serta amalkan integriti sepenuhnya pada setiap masa
- Rekodkan dengan betul apa-apa hadiah dan hospitaliti yang diberikan kepada, atau diterima daripada, pegawai awam dalam Daftar Hadiah dan Hospitaliti Aker Solutions





Melindungi Harta, Maklumat dan Aset

Harta, maklumat dan aset Aker Solutions mesti dilengkapi dengan langkah-langkah perlindungan yang mencukupi. Maklumat dan aset kita hanya untuk digunakan bagi tujuan perniagaan yang sah oleh pekerja yang diberi kuasa atau orang yang telah mereka lantik. Ini termasuk aset ketara, contohnya kelengkapan, dan aset tak ketara seperti harta intelek dan maklumat sulit. Maklumat yang dihasilkan dan disimpan pada sistem IT Aker Solutions dianggap sebagai harta syarikat. Penggunaan peribadi hanya dibenarkan pada tahap yang terhad, dan maklumat yang mungkin dianggap menyalahi undang-undang atau tidak sesuai tidak boleh diproses atau dimuat turun dalam apa jua keadaan. Penggunaan sistem IT dan perkhidmatan Internet khususnya, mesti dikawal bagi keperluan perniagaan dan bukan oleh kepentingan peribadi.

Tanggungjawab anda

- Bertindak secara bertanggungjawab apabila mengakses maklumat dan sistem, dan lindungi harta, maklumat dan aset Aker Solutions daripada kecurian dan kehilangan
- Laporkan sebarang pelanggaran keselamatan harta kepada fungsi Keselamatan Aker Solutions
- Laporkan sebarang kecurian, pembaziran atau penyalahgunaan maklumat dan aset syarikat kepada pasukan Keselamatan, IT atau Pekerja & Organisasi Aker Solutions
- Senggara fail elektronik dan arkib secara teratur

Butiran dan panduan yang lebih lanjut dinyatakan dalam Dasar Keselamatan dalam laman kita.



Bekerja dengan Pihak Berkepentingan kita

Komuniti Tempatan

Aker Solutions ialah anggota penting dalam banyak komuniti tempatan dan komited untuk melibatkan diri secara konstruktif dengan pihak berkepentingan kita untuk mewujudkan nilai tempatan yang berkekalan. Kita menyasarkan untuk mewujudkan nilai tersebut kepada komuniti tempatan menerusi aktiviti perniagaan kita. Dalam dialog dan penglibatan kita dengan mereka, kita cuba untuk memahami harapan mereka dan meneroka peluang untuk manfaat bersama. Penyelesaian mestilah relevan dengan keperluan perniagaan kita dan keadaan tempatan serta mematuhi prinsip kita, dasar dan peraturan tempatan. Sumbangan kita kepada komuniti mungkin merangkumi pengambilan kerja tempatan secara langsung atau tidak langsung, perolehan barangan atau perkhidmatan tempatan, pembangunan infrastruktur tempatan dan pembinaan keupayaan serta pelaburan sosial.

Tanggungjawab anda

- Pertimbangkan dan tangani secara sistematik kesan aktiviti kita yang mungkin ada terhadap komuniti tempatan dan ambil kira perkara ini semasa membuat keputusan perniagaan
- Kenal pasti secara aktif peluang berkaitan dengan aktiviti kita yang boleh menyumbang kepada penciptaan nilai tempatan melalui pengambilan kerja tempatan, perolehan dan pembinaan keupayaan
- Pastikan sumbangan sosial dibuat mematuhi keperluan antirasuah kita

Perlindungan Data

Aker Solutions komited untuk melindungi data peribadi pekerja dan rakan niaga kita, serta mereka yang berhubung dengan kita. Aker Solutions amat komited kepada satu set peraturan korporat (BCR) yang memperincikan cara kita melindungi data peribadi serta menyediakan asas undang-undang untuk kebenaran pemindahan global data peribadi dalam kumpulan syarikat kita.


Prinsip am perlindungan data yang dipatuhi oleh Aker Solutions:

- Data peribadi yang diproses mestilah sah, adil dan telus
- Pengumpulan data peribadi mestilah hanya dibuat untuk tujuan yang jelas dan sah serta penggunaannya harus dibuat dengan sewajarnya
- Pengumpulan data peribadi mestilah relevan, mencukupi dan terhad kepada perkara yang perlu berkaitan dengan tujuan pengumpulan
- Data peribadi mestilah tidak disimpan lebih lama daripada yang perlu berkaitan dengan tujuannya

- Semua data peribadi hendaklah dirahsiakan, disimpan dengan cara yang selamat dan Aker Solutions hendaklah mengambil langkah-langkah teknikal yang sesuai untuk melindungi data peribadi
- Data peribadi hanya boleh dikongsi sekiranya sah
- Subjek data hendaklah mempunyai hak seperti yang tertakluk dalam Prosedur Perlindungan Data, iaitu hak mengakses, memadam, menyekat, membantah dan membetulkan data peribadi

Butiran dan panduan lanjut dinyatakan dalam dokumen pentadbir kita dan dalam Notis Privasi kita. Sebarang pertanyaan berkenaan prinsip am atau cara kita memproses data peribadi harus ditujukan kepada Kumpulan atau Pegawai Privasi Tempatan.

Jika anda merasakan kita telah gagal mematuhi peraturan berkaitan pemrosesan data peribadi, anda berhak untuk membuat aduan, pada bila-bila masa. Jika anda mengalami kemudaratan akibat ketidakpatuhan tersebut, anda boleh menghubungi Pegawai Privasi Kumpulan syarikat.



Melindungi Alam Sekitar

Aker Solutions mesti bertindak secara bertanggungjawab dengan hasrat untuk mengurangkan pengaruh negatif langsung dan tidak langsung ke atas persekitaran luar, mengambil kira kitaran hayat penuh produk kita. Kita mesti patuh kepada undang-undang serta standard antarabangsa dan tempatan yang berkaitan, berusaha untuk meminimumkan kesan alam sekitar kita dan mengambil pendekatan yang mampan dalam operasi harian kita. Matlamat kita adalah untuk menyokong pelanggan kita dan industri untuk menjadi pelaksana persekitaran yang lebih baik melalui produk dan perkhidmatan kita. Kita memfokuskan untuk mencapai kecekapan tenaga, meminimumkan pelepasan berbahaya, pembuangan dan pengeluaran sisa, serta memperbaiki penetapan minda berkaitan alam sekitar di kalangan pekerja kita.

Tanggungjawab anda

- Berusaha untuk memahami kesan alam sekitar di kawasan kerja anda dan meminimumkan kesan
- Berkongsi amalan terbaik alam sekitar di kawasan kerja anda
- Menyertai program alam sekitar secara aktif



Tajaan dan Derma

Aker Solutions mungkin menggunakan tajaan untuk mempromosikan syarikat dan perniagaannya. Semua hubungan tajaan haruslah strategik dan sejajar dengan prinsip integriti Aker Solutions. Mesti ada manfaat ketara yang didokumenkan untuk Aker Solutions berkaitan sebarang tajaan, seperti keuntungan komersial, pembangunan profesional, pemprofilan yang dipertingkat dsb. Semua hubungan tajaan harus distrukturkan sebagai 'situasi menang-menang' iaitu kedua-dua pihak beroleh keuntungan. Semua tajaan mesti mengikut peraturan dalam Matriks Kebenaran Aker Solutions.

Tiada kumpulan atau organisasi agama atau politik boleh ditaja. Tiada konflik kepentingan peribadi terlibat dalam keputusan untuk menaja organisasi. Dalam situasi yang wujud konflik kepentingan, individu yang mempunyai konflik hendaklah menarik diri daripada sebarang proses membuat keputusan yang berkaitan.

Derma amal - hadiah - kepada organisasi tidak mempunyai keperluan yang sama untuk manfaat bersama. Walau bagaimanapun, derma amal tidak boleh dibuat kepada organisasi politik atau agama. Semua derma amal mesti diluluskan terlebih dahulu oleh bahagian Integriti dan Pematuhan Perniagaan.



Ketelusan dan Pelaporan Kewangan

Aker Solutions akan menyampaikan maklumat perniagaan yang berkaitan secara penuh dan tepat masa kepada pekerjaannya dan pihak berkepentingan luar. Semua maklumat perakaunan dan kewangan, serta maklumat pendedahan lain, mesti didaftarkan dengan tepat dan dibentangkan mengikut undang-undang, peraturan dan standard perakaunan yang berkaitan. Aker Solutions komited untuk menyediakan maklumat yang berkualiti kepada pasaran kewangan, membolehkan pelabur dan penganalisis mengekalkan gambaran yang betul tentang situasi kewangan serta risiko dan peluang yang dihadapinya pada masa hadapan. Aker Solutions akan menyediakan maklumat pendedahan yang tepat kepada pasaran kewangan selaras dengan semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan untuk syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Oslo. Semua maklumat penting didedahkan kepada penerima secara sama rata dari segi kandungan dan masa.

Aker Solutions hendaklah menjalankan
perniagaannya secara berintegriti, menghormati
undang-undang, budaya dan maruah serta hak
individu di semua negara tempat kita beroperasi.